

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Datuk Liang Teck Meng**  
**[Simpang Renggam]**

**TARIKH : 17 Mac 2016 (Khamis)**

**SOALAN : Datuk Liang Teck Meng minta**  
**MENTERI PERTANIAN DAN**  
**INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah pembangunan industri nanas di Johor dan apakah langkah (*proactive action*) yang diambil oleh Kementerian dalam mengekalkan industri ini.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Berdasarkan perangkaan semasa, jumlah keluasan bertanam nanas di seluruh negara adalah 10,317 hektar dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 412,665 metrik tan melibatkan 1,051 peserta. Daripada jumlah ini, sebanyak 56% atau kira-kira 5800 hektar adalah di Johor dengan kapasiti pengeluaran semasa kira-kira 220,000 metrik tan. Memandangkan perangkaan pengeluaran di negeri Johor adalah signifikan bagi produk ini maka usaha-usaha perlu dilakukan bagi mengekal dan bahkan memperluaskan lagi kawasan tanaman nanas di Johor.

Langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dalam mengekalkan industri ini adalah seperti berikut :

- i. Memfokuskan kepada program perluasan kawasan tanaman nanas baru di samping mengekalkan kawasan penanaman sedia ada khususnya di Johor dan amnya di Semenanjung Malaysia. Dalam mengekalkan industri ini di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, Program Pengukuhan Tanaman Nanas telah diwujudkan bagi memberi ruang kepada petani menceburi penanaman nanas untuk meningkatkan pendapatan. Di dalam

program ini, insentif diberikan sebanyak RM2,200.00 / ekar berbentuk input pertanian. Dengan pelaksanaan program tersebut dianggarkan pendapatan petani boleh mencapai sekurang-kurangnya RM4,000 / sebulan yakni dengan pengurusan yang baik dan sistematik;

- ii. Mentransformasikan pengusaha nanas kepada agropreneur nanas melalui pendekatan pertanian baru khususnya kepada golongan muda dengan matlamat untuk menjadikan sektor nanas sebagai salah satu bidang pekerjaan yang menjanjikan pendapatan lumayan melalui penerokaan varieti bernilai tinggi di pasaran premium; dan
- iii. Program Penanaman Nanas Untuk Pasaran Premium yang mensasarkan kepada tanaman secara komersial iaitu varieti MD2 dimana setiap petani memerlukan kawasan tanaman seluas 10 ekar minimum dan ke atas.